



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA
 Persiaran Perpaduan, USJ5, 47610 Subang Jaya,
 Selangor Darul Ehsan.

Talian Am : +603 8026 3131
 Faks : +603 5637 6585
 Hotline : +603 8024 7700
 Laman Web : www.mbsj.gov.my

“KEJUJURAN DAN KETEKUNAN”

SURAT PELAWAAN MENGEMUKAKAN CADANGAN SECARA TENDER TERBUKA

..... (Petender)

.....

.....

.....

Rujukan : MBSJ.KUB.400-5/8/8
 Tarikh : April 2021

Tuan,

PROJEK/KAJIAN: PERKHIDMATAN PERUNDING UKUR TANAH BAGI PROJEK CADANGAN PERSIMPANGAN BERTINGKAT DI PERSIMPANGAN PERSIARAN KEWAJIPAN DENGAN PERSIARAN SUBANG PERMAI, SUBANG JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN

Per: Pelawaan Mengemukakan Cadangan Bagi Perkhidmatan Perunding Ukur Tanah

Adalah saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis berhasrat mempelawa tuan untuk mengemukakan cadangan bagi perkhidmatan perunding untuk melaksanakan projek/kajian seperti berikut:

Bil	Perkara	Maklumat
1	Nama Projek :	Cadangan Persimpangan Bertingkat Di Persimpangan Persiaran Kewajipan Dengan Persiaran Subang Permai, Subang Jaya, Selangor Darul Ehsan
2	Tempoh Projek/Kajian :	Enam Puluh Dua (62) bulan
3	Kategori Projek/Kajian :	Projek Pembangunan Fizikal
4	Kod & Nama Bidang Perkhidmatan Perunding :	330203
5	Kaedah Pelantikan :	Tender Terbuka
6	Kaedah Bayaran Yuran Perunding:	<i>Fixed Fee</i>
7	Terma Rujukan	Ukur Tanah
8	Tempoh Sah Laku Tawaran Yang Ditetapkan Oleh Majlis	120 hari daripada tarikh tutup tender

3. Sila maklumkan secara rasmi dengan menggunakan **Borang Jawapan** seperti **Lampiran A** kepada Majlis bersama-sama dokumen tender sebelum peti tender di tutup.

4. Sila kemukakan juga cadangan tuan mengikut senarai semak Cadangan Teknikal dan Cadangan Kos seperti di dalam dokumen tender berasaskan Terma Rujukan yang telah ditetapkan. Tuan adalah dikehendaki mengemukakan cadangan tuan berdasarkan ketetapan berikut:

Bil	Perkara	Maklumat
1	Nama Agensi Yang Mempelawa	Majlis Bandaraya Subang Jaya
2	Alamat Agensi	Persiaran Perpaduan, USJ 5, 47610, Subang Jaya, Selangor Darul Ehsan
3	Tarikh & Masa Tutup Tender – <i>cadangan yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan</i>	27 April 2021 sebelum jam 12.00 tengah hari.
4	Nama Pegawai Yang Boleh Dihubungi	Sr Nazarudin Bin Mashtuki

5. Sila ambil maklum bahawa tuan adalah dipohon untuk mengemukakan cadangan tuan di dalam dua (2) sampul surat yang berasingan dan bertutup (*sealed*) serta ditandakan “Cadangan Teknikal” dan “Cadangan Kos” di sebelah kiri setiap sampul surat berkenaan. Cadangan Teknikal dan Cadangan Kos yang dikemukakan hendaklah berdasarkan kepada panduan seperti di dalam dokumen tender tersebut.

6. Bersama-sama dokumen tender ini juga disertakan Surat Akuan Perunding untuk perhatian dan tandatangan tuan sekiranya tuan bersetuju dengan kandungan surat tersebut. Sila sertakan surat yang telah ditandatangani tersebut bersama-sama dengan cadangan tuan.

7. Sekiranya tuan bersetuju untuk menyertai pelawaan ini, namun demikian menarik diri dalam tempoh penyediaan cadangan pihak tuan/sebelum Surat Setuju Terima ditandatangani oleh kedua-dua belah pihak, tuan hendaklah memaklumkan kepada Majlis dengan kadar segera.

8. Walau bagaimanapun, sekiranya tuan telah terpilih secara rasmi dan kemudiannya menarik diri selepas Surat Setuju Terima ditandatangani oleh kedua-dua belah pihak, tindakan ke atas tuan akan diambil selaras dengan peraturan Perbendaharaan yang berkuat kuasa.

9. Surat ini adalah RAHSIA KERAJAAN dan tidak boleh disebarikan kepada mana-mana pihak lain.


10. Surat ini hanyalah suatu surat pelawaan dan hendaklah tidak ditafsirkan dalam apa-apa cara jua sebagai mengikat Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

“SELANGOR MAJU BERSAMA”

“MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI”

Saya yang menjalankan amanah,



.....
(TPr. NORAINI BINTI ROSLAN) S.I.S, P.P.T.
Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Subang Jaya
Nazarudin/UkurBahan_MBSJ2021